

PENILAIAN KOKURIKULUM SUKAN DAN
PERMAINAN DENGAN MENGGUNAKAN
MODEL CIPP.

ISMAILEE BIN ISMAIL

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
MOD PENYELIDIKAN DAN
KERJA KURSUS

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang dijalankan di lima buah Sekolah Menengah Kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Kaedah tinjauan telah digunakan untuk mengumpul data dari 300 orang responden yang terdiri dari pelajar tingkatan empat. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi iaitu Analisis Korelasi Pearson dan Analisis Regresi Berganda. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua dimensi kajian berada pada tahap tinggi. Terdapat pengaruh yang signifikan bagi kedua-dua dimensi, proses dan input terhadap keberkesanan pencapaian matlamat dan objektif aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah kajian. Dapatan analisis regresi berganda menunjukkan faktor kemahiran guru, strategi pengajaran, kaedah pengajaran dan kesediaan pelajar mempunyai pengaruh yang signifikan bagi dimensi input. Bagi dimensi proses, faktor yang mempunyai pengaruh yang signifikan ialah penyertaan pelajar, penjadualan aktiviti dan pelaksanaan aktiviti. Kajian ini Berjaya meramal 38.8 peratus faktor kepada kejayaan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan model penilaian (Konteks, Input, Proses dan Produk). Faktor peramal dan hubungan yang Berjaya dibuktikan diharap dapat dijadikan panduan oleh pihak kementerian dan para guru dalam meningkatkan kejayaan aktiviti kokurikulum.

EVALUATIONS ON SPORTS AND GAMES CO-CURRICULAR ACTIVITIES USING THE CIPP MODEL

ABSTRACT

This study aimed to evaluate the sports and games co-curricular activities in five secondary schools in Kuala Terengganu district. This is a quantitative research. A survey method has been applied to collect data from 300 respondents consisting of form four students. Data is analysed for descriptive and inferential statistics which include Pearson's correlation and multiple regression analyses. The study found that all the studied dimensions are on high level. There are significant relationships for both dimensions; process and input; on goals and objectives attainment in the studied schools. The result of multiple regression analysis shows that teachers' skill, teaching strategies, teaching methods, and students' readiness have significant influences on input dimensions. And as for process dimensions, these factors have significant effects on students' participation, co-curricular activities scheduling and implementation. This study has successfully predicted 38.8 percent factors on to the success of sports and games co-curricular based on the evaluation model (Context, Input, Process and Product). It is hope that the predictive factors and proven relationships may serve as guidance to the ministry and teachers in improving the success of co-curricular activities.

PENGAKUAN

ii

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

KANDUNGAN

vi

SENARAI JADUAL

xi

SENARAI RAJAH

xiii

SENARAI LAMPIRAN

xiv

SENARAI SINGKATAN

xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	4
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Hipotesis Kajian	14
1.7	Kerangka Teoritikal	15
1.8	Kerangka Konseptual	16
1.9	Definisi Operasional	18

1.9.2 Kegiatan Kokurikulum	19
1.9.3 Penilaian Input	20
1.9.4 Penilaian Proses	20
1.9.5 Penilaian Produk	21
1.10 Batasan Kajian	21
1.11 Kepentingan Kajian	22
1.12 Rumusan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	25
2.2 Kokurikulum	26
2.2.1 Konsep Kokurikulum	28
2.2.2 Matlamat dan Objektif Kokurikulum	29
2.2.3 Strategi dan Pelaksanaan	36
2.2.4 Kokurikulum Sukan/ Permainan	37
2.3 Pengurusan	39
2.3.1 Definisi Pengurusan	39
2.3.2 Pendekatan dan Teori-Teori Pengurusan	41
2.3.3 Fungsi Pengurusan	51
2.4 Penilaian	58
2.4.1 Pendekatan Teori Penilaian dan Penilaian Program	60
2.4.2 Kategori dan Jenis- Jenis Penilaian Keberkesanan Program	64
2.4.3 Model- Model Penilaian	64

N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	2.4.4 Penggunaan Model Penilaian KIPP Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan	78
---------	------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------	----

2.5	Kajian Kajian Lepas Berkaitan Dengan Aktiviti Kokurikulum	85
2.6	Kajian- Kajian Lepas Menggunakan Model KIPP	92
2.7	Rumusan	103

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	104
3.2	Reka Bentuk Kajian	105
3.3	Populasi Kajian	106
3.4	Persampelan	107
3.5	Instrumen Kajian	108
3.5.1	Latar Belakang Responden	109
3.5.2	Keberkesanan Aktiviti Kokurikulum	109
3.6	Kajian Rintis	111
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Item	113
3.8	Pengumpulan dan Analisis Data	115
3.9	Hubungan Antara Objektif Kajian, Persoalan Kajian Dan Hipotesis Kajian dengan Kaedah Analisis Data	116
3.10	Prosedur Kajian	119
3.11	Rumusan	122

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	124
4.2	Maklumat Latar Belakang Responden	125

4.2.1	Jantina	
4.2.2	Umur	126
4.2.3	Tempoh belajar	127
4.2.4	Jawatan	127
4.3	Analisis Dapatan Kajian	128
4.3.1	Analisis Deskriptif	129
4.3.1.1	Penilaian Input	130
4.3.1.2	Penilaian Proses	131
4.3.1.3	Penilaian Produk	132
4.4	Pengujian Hipotesis	132
4.5	Rumusan	142

BAB 5**PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	143
5.2	Ringkasan	144
5.3	Perbincangan dapatan kajian	145
5.3.1	Keberkesanan Aktiviti Kokurikulum Berdasarkan Dimensi Input, Proses dan Produk.	146
5.3.1.1	Keberkesanan Aktiviti Kokurikulum Berdasarkan Dimensi Input.	146
5.3.1.2	Keberkesanan Aktiviti Kokurikulum Berdasarkan Dimensi Proses .	151
5.3.1.3	Keberkesanan Aktiviti Kokurikulum Berdasarkan Dimensi Produk.	155
5.3.2	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Dimensi Konteks, Input dan Proses Dengan Dimensi Produk.	156

N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	5.3.2.1	Hubungan Antara Dimensi Input dengan Dimensi Produk.	156
		5.3.2.2	Hubungan Antara Dimensi Proses dengan Dimensi Produk.	157
		5.3.3	Faktor-Faktor Dimensi Input dan Proses Yang Menjadi Penyumbang/ Prediktor Kepada Dimensi Produk.	158
		5.3.3.1	Faktor-Faktor Dimensi Input Yang Menjadi Penyumbang/ Prediktor Kepada Dimensi Produk.	160
		5.3.3.2	Faktor- Faktor Dimensi Proses Yang Menjadi Penyumbang/ Prediktor Kepada Dimensi Produk.	161
		5.4	Kesimpulan Kajian.	163
		5.5	Implikasi Kajian.	166
		5.6	Cadangan Kajian Masa Hadapan.	168
		5.7	Rumusan	169
	RUJUKAN			170
	LAMPIRAN			180

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
2.1 Taksonomi Model-Model Utama Penilaian	65
3.1 Bilangan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Kajian	107
3.2 Petunjuk Dimensi dan Item Keberkesanan Aktiviti Kokurikulum	110
3.3 Senarai Item Negatif	111
3.4 Keputusan Ujian Kajian Rintis	112
3.5 Hubungan Antara Persoalan Kajian Dengan Analisis Statistik Yang Digunakan	117
4.1 Taburan Kekerapan dan Peratusan Profil Responden Mengikut Jantina	126
4.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Umur	126
4.3 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Tempoh Belajar	127
4.4 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jawatan	128
4.5 Nilai Min dan Sisihan Piawai Penilaian Input	130
4.6 Nilai Min dan Sisihan Piawai Penilaian Proses	131
4.7 Nilai Min dan Sisihan Piawai Penilaian Produk	132
4.8 Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi	133
4.9 Analisis Hubungan Dimensi Input Dengan Dimensi Produk	133
4.10 Analisis Hubungan Dimensi Proses Dengan Dimensi Produk	134
4.11 Analisis Regresi Berganda <i>Stepwise</i> Dimensi Input, Proses Terhadap Keberkesanan Dimensi Produk	135
4.12 Analisis Regresi Berganda <i>Stepwise</i> Faktor-Faktor Dimensi Input Terhadap Keberkesanan Dimensi Produk	137
4.13 Analisis Regresi Berganda <i>Stepwise</i> Faktor-Faktor Dimensi Proses Terhadap Keberkesanan Dimensi Produk	139
4.14 Ringkasan Soalan Kajian dan Analisis Statistik Yang Digunakan	140



SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	17
2.1 Kesepaduan Pendidikan Formal, Tak Formal dan Bukan Formal	30
2.2 Organisasi Sebagai Satu Sistem	45
2.3 Cabang- Cabang Pendekatan Pengurusan	47
2.4 Model Penilaian Matlamat Bebas	71
2.5 Komponen Utama Penilaian KIPP dan Hubungannya Dengan Pengurusan	76

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	muka surat
A Borang Soal Selidik	180
B Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian	187
C Pengesahan Item Soal Selidik	191
D Analisis Data	204

SENARAI SINGKATAN

JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KTU	Kuala Terengganu Utara
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
KIPP	Konteks, Input, Proses dan Produk
CIPP	<i>Context, Input, Process and Product</i>
S.P.	Sisihan Piawai
SPSS	<i>Statistical Programs for Social Sciences</i>
UNESCO	<i>United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan yang dilaksanakan di dalam sebuah negara merupakan wadah penting untuk mencorak dan menentukan hala tuju yang ingin dicapai oleh sebuah negara. Bagi menjamin kelangsungan aspirasi negara maka satu dokumen yang menjadi panduan ke arah pencapaian matlamat dan objektif perlu dihasilkan dan dinyatakan, agar jelas kepada semua pihak yang berkepentingan. Di negara kita, Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1988) merupakan bukti bertulis berkenaan hasrat dan matlamat dasar pendidikan negara yang ingin dizahirkan serta

merupakan acuan yang menentukan tahap pendidikan dan sikap yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah menekankan akan kepentingan aktiviti kokurikulum melalui frasa-frasa awal yang tertulis mengenai kepentingan nilai jasmani, emosi, rohani dan intelek. Maka tidak hairanlah apabila kedua-dua aspek iaitu kurikulum dan kokurikulum ditekankan dalam melahirkan sistem pendidikan kebangsaan yang seimbang dan sempurna. Kokurikulum yang terbahagi kepada tiga aktiviti iaitu sukan dan permainan, kelab dan persatuan dan unit beruniform adalah penting untuk merealisasikan konsep pengetahuan, pengalaman dan kemahiran merentasi kurikulum di mana ia merangkumi aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi serta aktiviti kumpulan dan sosial (Ab.Alim, 2004). Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), bidang ini berupaya memberi peluang kepada murid untuk membina kekuatan jasmani, menguatkan keupayaan mental, membantu dalam kestabilan emosi seterusnya kepada kemantapan rohani dalam menerapkan nilai-nilai murni berlandaskan pegangan kepada agama yang dianuti. Proses pembinaan individu ini perlu berterusan dan menyeluruh tanpa ada pemisahan antara kurikulum dan kokurikulum (Ab.Alim, 2004; Tam Yeow Kwai, 2010).

Kepentingan aktiviti kokurikulum pada masa kini telah mula menjadi keutamaan dalam sistem pendidikan negara. Kajian oleh Holland dan Andre dalam Yusnizam (2008) mendapat, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dapat menggalakkan perkembangan keseluruhan individu murid. Ia juga memudahkan pencapaian matlamat akademik dan bukan akademik. Kajian di atas juga mendapat aktiviti kokurikulum berupaya menghasilkan kesan positif seperti membentuk keupayaan mengawal kehidupan sendiri dan mengurangkan masalah keciciran.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia begitu serius berusaha dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah-sekolah untuk melahirkan generasi Malaysia yang berilmu pengetahuan, memiliki jiwa dan peribadi unggul, bersemangat muhibah dan mampu menghadapi cabaran secara kolektif dan bersepada.

Konsep pelaksanaan kurikulum di peringkat persekolahan masa kini adalah berdasarkan saranan Laporan Kabinet 1979, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1988) dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998. Mengikut Laporan Kabinet 1979, aktiviti kurikulum adalah penting untuk semua murid di setiap peringkat persekolahan. Maka semua murid diwajibkan menyertai kurikulum kerana aktivitinya berupaya menyemai, memupuk dan menanamkan perasaan kekitaan dalam masyarakat berbilang kaum selain berupaya menerapkan nilai-nilai murni. Bagi memastikan pelaksanaan kurikulum di sekolah tersusun dan seragam, pelbagai peraturan dan panduan digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998. Pelaksanaan kurikulum di sekolah perlulah berlandaskan akta dan peraturan yang dikuatkuasakan serta surat pekeliling ikhtisas yang diedarkan dari masa ke semasa.

Kurikulum Kebangsaan kini didefinisikan sebagai satu program pendidikan yang terdiri daripada kurikulum dan kurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental/intelek dan emosi serta menanamkan dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini serta untuk menyampaikan pengetahuan (Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum, 2009). Justeru, pelaksanaan dan penyertaan murid dalam

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS kokurikulum di sekolah adalah diwajibkan sama ada untuk sekolah kerajaan atau bukan kerajaan. Kegagalan atau keengganan melaksanakan kokurikulum di sekolah adalah satu kesalahan yang boleh didenda sebanyak tidak melebihi Ringgit Malaysia lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan. (Seksyen 135 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550): Penalty Am).

Kerajaan melalui pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberikan penekanan sewajarnya dan menyediakan garis panduan dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah menengah demi mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Persoalannya, sejauh manakah aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang dilaksanakan disekolah berjaya mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan?

1.2 Latar Belakang Masalah

Kokurikulum adalah wadah paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terutama dalam konteks melahirkan murid seimbang dari segi jasmani, emosi , rohani, intelek dan sosial yang bakal menghasilkan sumber manusia berkemahiran tinggi di Malaysia (Ahmad, 2005). Menurut Muhamad Tarmizi (2002), masyarakat menganggap sistem pendidikan negara kita terlalu memberi penekanan ke atas pencapaian akademik. Disebabkan kegiatan kokurikulum bukan merupakan suatu mata pelajaran peperiksaan, maka pelajar mengamalkan sika sambil lewa terhadap kepentingan kegiatan kokurikulum di sekolah.

Timbalan Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengeluarkan satu arahan bahawa setiap pelajar diwajibkan menyertai satu jenis sukan mulai tahun 2011. Beliau juga menambah, sebuah jawatankuasa sementara akan dibentuk untuk mengkaji memberi kredit kepada pelajar yang menyertai sukan. Tujuan pelaksanaan ini adalah untuk mengubah persepsi ibu bapa yang sebelum ini melihat sukan tidak memberi makna sebaliknya lebih menekankan kepada pencapaian yang cemerlang dalam akademik semata-mata. Sukan dilihat bukan sahaja untuk meningkatkan tahap fizikal dan kualiti kesihatan, bahkan sebagai pemangkin dalam membangunkan modal insan iaitu generasi masa depan yang merupakan aset tenaga yang sangat penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi dan pembangunan negara. (Berita Harian Online, 22 Februari 2010). Tan Sri Muhyiddin juga menjelaskan, matlamat utama pihaknya ialah untuk melihat setiap sekolah meletakkan sukan sebagai satu bidang yang perlu diberi keutamaan selain daripada akademik bagi mengembalikan sekolah sebagai institusi utama untuk melahirkan bakat-bakat sukan bagi membantu kebangkitan mutu sukan negara. Justeru itu, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16, tahun 2010 telah mengarahkan pihak sekolah memastikan agar aktiviti sukan dijalankan sepanjang tahun dan tidak dilaksanakan secara bermusim sahaja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak juga senada dengan timbalannya, yang mana dalam ucapan beliau sempena Kongres Sukan dan Latihan Perubatan Antara Bangsa di Kuala Lumpur pada 20 Mac 2011 berkata, sukan berperanan sangat penting sebagai penghubung dalam menjalin hubungan antara

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS pelbagai etnik, budaya, bangsa dan agama yang membentuk masyarakat yang bertenaga dalam pembinaan negara. (Berita Harian, 21 Mac 2011). Berdasarkan keprihatinan dan kecaknaan dari pemimpin tertinggi negara dan timbalannya berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan maka terdetiklah hasrat pengkaji untuk meneroka sejauh manakah keberkesanan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara dan apakah faktor yang mempengaruhi keberkesanan aktiviti kokurikulum di sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara selama ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini, masalah yang ingin dikaji adalah berkaitan dengan pencapaian matlamat dan objektif yang ditetapkan dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Berdasarkan Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum, terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia (2006), menyatakan dengan jelas bahawa matlamat utama aktiviti kokurikulum adalah untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Selain itu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah mengariskan objektif-objektif yang ingin dicapai melalui aktiviti kokurikulum iaitu :

1. Menyemai kesedaran murid-murid terhadap agama dan kepercayaan kepada tuhan.

2. Menyeimbangkan antara perkembangan mental dengan perkembangan rohani, jasmani dan emosi murid-murid.
3. Mengukuhkan perhubungan dan pergaulan dalam kalangan murid dalam sekolah dan di antara sekolah.
4. Membina dan meningkatkan minat dan bakat murid-murid dalam aktiviti yang diceburi.
5. Membina dan meningkatkan disiplin murid.
6. Mewujudkan budaya sekolah yang menarik dan menggembirakan.
7. Membina dan meningkatkan kerjasama dan sumbangan hubungan dua hala antara sekolah dan masyarakat.
8. Mewujudkan sekolah berwatak
9. Menyediakan murid untuk mengikuti program khidmat negara.
10. Mengukuhkan integrasi nasional

Menurut Muhamad Tarmizi (2002), masyarakat menganggap sistem pendidikan negara kita terlalu memberi penekanan ke atas pencapaian akademik. Disebabkan kegiatan kurikulum bukan merupakan suatu mata pelajaran peperiksaan, maka pelajar mengamalkan sika sambil lewa terhadap kepentingan kegiatan kurikulum di sekolah. Dapatan beliau telah disokong oleh dapatan kajian oleh Mohd Jamlus (2005) yang menyatakan bahawa ramai pelajar beranggapan kegiatan kurikulum sukan dan permainan tidak penting dan banyak membuang masa kerana ianya tidak dinilai sebagaimana kegiatan akademik.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan, Tan Sri

Muhyiddin Yassin dalam petikan ucapannya setelah mempengerusikan Mesyuarat

Jawatankuasa Induk Pembangunan Sukan Sekolah di Bangunan Parlimen menyatakan bahawa, sebelum ini kegiatan kokurikulum sukan tidak diberi penekanan di sekolah. Sehubungan dengan itu bermula tahun 2011, Dasar 1 Murid 1 Sukan akan dikuatkasakan (Utusan Malaysia Online, 22 Februari 2010). Beliau menambah dasar ini diharapkan dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang sukan disamping untuk menggalakkan pembangunan sukan di sekolah itu sendiri.

Berdasarkan kajian dan kenyataan di atas, pengkaji ingin merungkai sejauh manakah matlamat dan objektif yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berjaya dicapai. Pengkaji memilih daerah Kuala Terengganu Utara sebagai kajian disebabkan ianya merupakan daerah dimana pengkaji bertugas dan disamping itu cuba mengkaji punca kemerosotan penglibatan pelajar di sekolah pengkaji terutamanya dalam sukan olahraga.

1.4 Tujuan Kajian:

Tujuan kajian ini ialah menilai keberkesanannya aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara. Model penilaian *Contexts, Input, Process dan Product* (CIPP) telah dipilih untuk menjadi kerangka rujukan kajian. Kajian ini melibatkan tinjauan yang dilakukan terhadap

pelajar-pelajar tingkatan empat di lima buah sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara.

Objektif kajian ini ialah:

1. Menilai tahap keberkesanan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara dari dimensi input (pengetahuan guru, kemahiran guru, strategi pengajaran, kaedah pengajaran dan kesediaan pelajar).
2. Menilai tahap keberkesanan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara dari dimensi proses (penyertaan pelajar, penjadualan aktiviti kokurikulum, pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan kemudahan dan peralatan).
3. Menilai tahap keberkesanan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara dari dimensi produk (pencapaian matlamat dan objektif).
4. Menentukan hubungan antara faktor-faktor dalam dimensi input dan proses dengan dimensi produk (pencapaian matlamat dan objektif).
5. Mengenal pasti faktor-faktor (prediktor) dalam dimensi input dan proses yang mempengaruhi dimensi produk (pencapaian matlamat dan objektif).

1.5 Persoalan Kajian.

Untuk memastikan objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan ini tercapai maka beberapa persoalan kajian telah dibina berdasarkan kepada keenam-enam objektif khusus kajian ini iaitu:

Persoalan Kajian bagi Objektif 1:

1. Apakah tahap keberkesanan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu

Utara dari dimensi input iaitu:

- a. Apakah *tahap keberkesanan pengetahuan guru* dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara?
- b. Apakah *tahap keberkesanan kemahiran guru* dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara?
- c. Apakah *tahap keberkesanan strategi pengajaran* dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara?
- d. Apakah *tahap keberkesanan kaedah pengajaran* dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS sekolah-sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara?

- e. Apakah *tahap keberkesanan kesediaan pelajar* dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara?

Persoalan Kajian bagi Objektif 2:

2. Apakah tahap keberkesanan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah menengah dalam daerah Kuala Terengganu Utara dari dimensi proses iaitu:
 - a. Apakah *tahap keberkesanan penyertaan pelajar* dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara?
 - b. Apakah *tahap keberkesanan penjadualan aktiviti* dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara?
 - c. Apakah *tahap keberkesanan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan* di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara?
 - d. Apakah *tahap keberkesanan kemudahan dan peralatan* dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara?